

16 FEB 1996

RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH MEMERLUKAN PERUBAHAN RADIKAL

Oleh: Michael Raj

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Rancangan Malaysia Ketujuh (RMT), pelan ke arah pembangunan negara yang berterusan hingga tahun 2000, perlu mengandungi beberapa perubahan radikal daripada segi strategi sebagai persediaan menghadapi cabaran yang semakin meningkat di pasaran dunia, demikian menurut ahli-ahli ekonomi di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan membentangkan rancangan pembangunan tersebut yang meliputi tempoh 1996-2000 di Parlimen April ini. Semua strategi, program dan projek yang terkandung dalam rancangan tindakan itu bertujuan membawa Malaysia ke arah pencapaian yang lebih gemilang bagi menempuh kurun akan datang.

Salah satu perubahan besar yang dicadangkan ialah tindakan agar Malaysia, yang selama ini banyak bergantung kepada pelaburan asing secara langsung dalam membangunkan ekonominya, berhenti daripada berbuat demikian mulai sekarang.

Sehubungan itu, suatu langkah penting yang perlu dilakukan ialah berusaha dengan lebih agresif ke arah mewujudkan industri yang menggunakan teknologi tinggi dan yang berintensifkan modal. Dalam hal ini, apa yang paling penting ialah mewujudkan dan memajukan industri tempatan yang lebih canggih.

Ini bermakna, usaha perlu dibuat untuk mewujudkan syarikat-syarikat tempatan yang setanding dengan Samsung dari Korea Selatan atau Acer dari Taiwan yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Encik Al Alim Ibrahim, fellow kanaan Institut Kajian Strategi dan Antarabangsa (ISIS) berkata: "Kita perlu mengkaji semula cara kita bekerja selama ini, ...memiliki pandangan yang bersifat sejagat dan jangan hanya mengehendak kegiatan pengeluaran untuk pasaran tempatan semata-mata."

Menurut beliau, walaupun barangan pembuatan menyumbang 32 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan sekali gus mencerminkan ekonomi negara yang berasaskan industri, namun kita masih kekurangan industri yang menggunakan teknologi tinggi dan perkara ini perlu diatasi dengan membuat perubahan radikal.

Dengan mengambil sektor elektronik sebagai contoh, Al Alim berkata walaupun sektor itu merupakan sektor eksport terbesar negara ini, ia masih mengandungi unsur-unsur import yang banyak dan kerana itulah Malaysia perlu memepertingkatkan pengeluaran barangan yang mempunyai nilai tambah.

Perubahan radikal ini yang membabitkan penyertaan negara dalam kegiatan hiliran secara besar-besaran serta peningkatan jumlah eksport secara agresif, "adalah penting bagi menjamin kelangsungan hidup kita secara jangka panjang," tambah beliau.

Al Alim bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa industri tempatan kini tidak mempunyai "critical mass", hanya memberi tumpuan kepada pasaran dalam negeri dan tidak mampu menghasilkan keluaran yang mencukupi apabila permintaan meningkat.

Satu contoh paling jelas, kata beliau, ialah pengeluaran kereta nasional yang bukan saja mendapat sambutan hebat di peringkat tempatan malah dari seberang laut.

Akibatnya, mereka yang mengidam untuk memiliki kereta Proton kecewa kerana

terpaksa menunggu begitu lama sebelum mendapat kereta yang mereka tempah. Keadaan ini sebenarnya dapat dielak sekiranya kita berpandangan jauh dan menggunakan teknologi terkini termasuk kemungkinan menggunakan sistem robotik, tambah Al Alim.

Beliau mengesyorkan agar Perusahaan Otomobil Nasional (Proton) tidak lagi bergantung kepada Jepun dan sebaliknya mengeluarkan injin, casis dan bahagian lain di negara ini. Bagaimanapun, tegas beliau, syarikat itu jangan sekali-kali mengabaikan kualiti.

Dr Mahathir juga menegaskan peri mustahaknya para pengusaha tempatan mengubah strategi mereka dan berusaha menghasilkan barangan secara besar-besaran dan seterusnya berusaha memasarkan barangan mereka ke seluruh dunia.

Bekas tokoh bank dan ketua setiausaha Perbendaharaan Tan Sri Ramon Navaratnam pula berkata peralihan kepada penggunaan teknologi tinggi dalam Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sesuatu yang sangat diperlukan berdasarkan apa yang telah dicapai dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima dan Keenam.

Ini terbukti daripada status guna tenaga sepenuhnya yang dicatat oleh negara yang membawa kepada kekurangan tenaga buruh dan kebanjiran kira-kira dua juta pekerja asing ke Malaysia bagi memenuhi keperluan tenaga kerja.

Menurut beliau, apa yang berlaku itu menjadi bukti tentang kejayaan negara mengurus ekonominya dengan baik dan berharap rakyat negara ini tidak bersikap sambil lewa bagi memastikan Malaysia terus kekal sebagai salah sebuah negara perdagangan terkemuka di dunia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz pula baru-baru ini berkata bahawa kerajaan perlu mengenal pasti industri berteknologi tinggi yang sesuai dan seterusnya menggalakkannya beroperasi dan mengembangkan kegiatannya di negara ini.

Di samping itu, kajian juga perlu dibuat untuk mengenal pasti apakah yang diperlukan oleh sesetengah sektor kecil industri pada masa depan bagi memastikan sektor itu dapat memberi sumbangan secara berterusan kepada keseluruhan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara.

Rafidah juga berkata usaha patut dibuat untuk mengenal pasti industri baru dan strategik yang berkemampuan untuk muncul sebagai industri tambahan dan sokongan di samping mempertingkatkan taraf teknologi di negara ini.

Menurut Al Alim, usaha juga perlu ditumpukan ke arah mengurangkan kadar bayaran pengangkutan, perkapalan dan insurans dengan memajukan sektor perkapalan dan insurans semula tempatan.

Pendidikan merupakan satu lagi bidang yang mendapat peruntukan besar dalam belanjawan negara ini. Kini, sebahagian besar daripada perbelanjaan untuk sektor berkenaan dapat dijamin melalui program universiti berkembar yang diwujudkan antara institut-institut pengajian tinggi Malaysia dan institusi pengajian tinggi seberang laut.

Menurut Navaratnam, Malaysia tidak akan mampu untuk muncul sebagai sebuah negara teknologi sekiranya ia tidak memiliki pendidikan yang diperlukan.

"... Kita perlu menguasai bidang sains dan matematik di peringkat awal pendidikan," tambah beliau. --BERNAMA

MR DIN